

Takwa tingkatkan integriti umat Islam

Oleh NIK SALIDA SUHAILA NIK SALEH

KEIMANAN dan ketakwaan kepada Allah bukanlah khusus kepada amalan ibadat kerohanian dan keagamaan semata-mata tetapi merupakan manifestasi kepada seluruh aktiviti kehidupan manusia sejagat. Rasulullah pernah menyatakan dalam satu hadis yang diriwayatkan Abu Sa'id al-Khudri bahawa takwa adalah himpunan segala kebajikan.

Takwa juga merupakan sebuah realisasi daripada iman kepada perkara yang ghaib, kehidupan hari akhirat dan melaksanakan syariat Islam melalui amalan mendirikan solat, rajin bekerja, menjauhi rasuah, hormat-menghormati, menepati masa dan sebagainya.

Takwa merupakan satu kesedaran moral dan keinsafan spiritual yang sangat tinggi dan hanya diperolehi dari satu bentuk latihan atau amalan yang menuntut kesungguhan dan pengorbanan. Ironisnya, takwa

merupakan sebahagian daripada terminologi al-Quran yang bukan hanya sekadar slogan yang begitu mudah dituturkan lidah, sebaliknya adalah teras yang mendasari seluruh ruang lingkup kehidupan seharian manusia.

Dari sudut ibadah, amalan bersedekah atau berjariah merupakan jambatan ke arah mempertingkatkan iman dan takwa seseorang kerana inilah saluran mendekatkan dirinya dengan Allah.

Harta sedekah akan menyucikan harta dan diri orang yang bersedekah jika dibuat dengan rela hati tanpa apa-apa agenda keduniaan selain kerana Allah semata-mata dengan kesedaran sesungguhnya rezeki yang dianugerah Allah itu sebahagiannya adalah juga menjadi hak orang lain.

Mempertahan serta memperkukuhkan tahap profesionalisme dan integriti, dengan mencegah segala bentuk perbuatan yang membelakangkan kepentingan awam dan negara adalah sebahagian daripada ketakwaan. Integriti sering dihubungkan dengan

nilai-nilai amanah, jujur, kebolehpercayaan dan juga sentiasa memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri.

Sebarang kerja yang dibuat hendaklah dilakukan dengan penuh ketulusan hati. Ini juga bermakna jika kakitangan jabatan telah diberi kuasa, mereka perlu menggunakan kuasa dengan adil dan saksama. Tujuannya semata-mata untuk menzahirkan semula komitmen untuk sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan penuh tanggungjawab.

Berkhidmat

Bagi kakitangan awam, prinsip dan pegangan utama iaitu untuk berkhidmat dengan profesional wajib dihayati bagi memastikan semua dasar, program dan arahan yang telah diputuskan dapat dilaksanakan dengan penuh dedikasi sehingga tercapai matlamat

yang dihasratkan.

Penerapan nilai-nilai murni untuk membentuk ciri-ciri profesionalisme yang unggul, komited terhadap tugas dan tanggungjawab, berdedikasi, berdisiplin tinggi, amanah, berintegriti dan mengutamakan akauntabiliti, akan terus menjadi agenda utama dalam usaha memajukan perkhidmatan awam.

Malaysia kini semakin maju dan membangun pesat dalam pelbagai bidang termasuklah pembangunan ekonomi, peningkatan kualiti hidup, masyarakat yang berilmu dan berdaya maju. Tambahan pula, prinsip pembangunan tersebut digilap dengan asas keislaman yang dipandang sebagai satu teori sejajar dengan kemajuan masyarakat seterusnya menjamin kualiti iman dan takwa dalam hidup.

Di sebalik pembangunan fizikal dan kebendaan, masyarakat yang terbilang perlu mempunyai agenda tersendiri agar tidak semata-mata mempunyai infrastruktur kelas pertama tetapi memiliki mentaliti kelas

ketiga.

Aspek budi bahasa perlu diperkukuhkan manakala jurang ekonomi antara golongan kaya dan miskin perlu semakin mengecil supaya dapat meningkatkan keharmonian taraf hidup dan mengelakkan berlakunya amalan rasuah, pecah amanah dan sebagainya akibat pembahagian hasil yang tidak sama rata.

Selain itu, Malaysia memerlukan pembangunan nilai dan budaya yang betul. Ketulusan, kejujuran, integriti, adil, amanah dan akauntabiliti bukan sahaja menonjolkan impak modal insan yang cemerlang tetapi juga keperibadian yang tinggi dengan darjat iman dan takwa.

PENULIS ialah pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-Undang Kolej Universiti Islam Malaysia.